

Panduan Menyembur: Lakukan semburan apabila berlaku infestasi atau untuk mencegah dari berlaku infestasi. Untuk kawalan yang baik, sembur secara menyeluruh ke atas kawasan infestasi mengikut kadar yang ditetapkan. Untuk kawasan penyediaan makanan, sila pastikan semua bahan makanan dan peralatan memasak perlu disimpan di tempat tertutup dan jauh dari kawasan rawatan. Elakkan tersentuh dengan makanan, perkakas makanan atau permukaan yang mana makanan disediakan atau disimpan. Jangan sembur pada tempat penyediaan makanan atau permukaan di mana makanan dihidangkan.

AWAS: a) **Bahaya Kepada Manusia:** Berbahaya jika tertelan. Elakkan daripada terhidu wasap atau kabus semburan. Elakkan daripada terkena kulit atau mata. Ketika mengendalikan produk ini, **JANGAN** makan, minum atau merokok. Selepas mengendalikan produk ini, pastikan tutup bekas racun dengan rapat dan simpan di tempat berkunci yang mempunyai peredaran udara yang baik, kering dan dingin. Cuci alat penyembur sebersih-bersihnya selepas menggunakannya. Pastikan mandi sebersih-bersihnya menggunakan sabun dan air yang banyak.

Pakaian dan Alat Perlindungan: Ketika mengendalikan produk ini, pastikan pakai pakaian pelindung diri (PPE) berpiawaian termasuk sarung tangan, goggles, kasut getah, penutup muka dan alat pernafasan mengikut kesesuaian (Rujuk Risalah Data Keselamatan).

b) **Bahaya Pada Alam Sekitar:** Produk ini adalah berbahaya pada organisma akuatik dan ikan. **JANGAN** cemarkan kolam, sungai atau saluran air.

TANDA KERACUNAN:

Tanda Awal: Mual, muntah, pening, keletihan, paresthesia (rasa kebas, terbakar, sejuk, semut-semut, menyucuk, merayap), cirit-birit, sakit perut, sakit kepala, kerengsaan (kemerahan, gatal), tremor (anggota badan bergetar), mengantuk, otot lemah, air liur berlebihan, anak mata mengecil, peluh berlebihan, demam, penglihatan kabur, takikardia (berdebar-debar), nafas berbunyi seperti wisel, sawan, koma.

Tanda Tertanggung: Kerengsaan kulit (kemerahan, gatal), sawan, koma. Tiada tanda keracunan spesifik. Segera dapatkan rawatan sekiranya mengalami sebarang tanda umum keracunan seperti mual, muntah, sakit perut, air liur berlebihan, sakit tekak, sesak nafas, ketat dada, nafas laju, berdebar-debar, gangguan deria rasa, kemerahan pada bahagian terdedah, sawan, koma atau sebarang masalah kesihatan.

RAWATAN KECEMASAN: Jika terkena pakaian, tanggalkan kesemua pakaian, mandi dengan segera dan ganti pakaian yang bersih. Jika terkena pada kulit, bersihkan dengan sabun dan air yang banyak. Jika terkena pada mata, tanggalkan kanta lekap (jika ada) alirkan air yang banyak pada bahagian mata sekurang-kurangnya 15 minit. Jika tertelan, **JANGAN** ikhtiarikan untuk muntah dan **JANGAN** beri apa-apa melalui mulut. Jika terhidu, pindahkan mangsa ke kawasan pengudaraan yang bersih. Bawa mangsa ke Pusat Perubatan/Klinik/Hospital yang terdekat dengan segera. Dinasihatkan bawa bersama label atau bekas racun perosak.

BILAS BEKAS KOSONG TIGA (3) KALI SEBELUM MELUPUSKANNYA. JANGAN GUNAKAN BEKAS RACUN UNTUK MENYIMPAN MAKANAN.

MY80910355F

Temprid ialah sejenis racun serangga yang mengandungi perawis aktif daripada kumpulan 'neonicotinoid dan pyrethroid' yang bertindak secara sistemik sentuhan dan keracunan perut.

ATURAN PENGGUNAAN: Penggunaan tidak mengikut label adalah satu kesalahan di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974.

TEMPAT / KAWASAN	SERANGGA PEROSAK	CATATAN
Di dalam dan luar bangunan: Domestik, perindustrian, pusat pemprosesan makanan, kantin, kilang elektronik, hospital, pusat jagaan, hostel, hotel, pejabat, pusat membeli-belah, pasaraya.	Semut (<i>Monomorium pharaonis</i> , <i>Solenopsis invicta</i>), Lipas German (<i>Blattella germanica</i>) Lalat (<i>Musca domestica</i>) Pijat (<i>Cimex lectularius</i>)	<u>Infestasi rendah</u> Guna 10 ml dalam 5 liter air <u>Infestasi tinggi</u> Guna 20 ml dalam 5 liter air <u>Kadar aplikasi</u> Guna 5 liter bancuhan setiap 100 m ²
Di dalam dan luar bangunan: Hospital, pusat jagaan, hostel, hotel.	Pijat (<i>Cimex lectularius</i>)	<u>Kadar aplikasi</u> Guna 5 liter bancuhan setiap 100 m ²
Kilang, setor atau gudang yang menyimpan biji-bijian atau tepung.	Bubuk (<i>Sitophilus oryzae</i>) Kumbang Tepung (<i>Tribolium castaneum</i>) Kumbang Tembakau (<i>Lasioderma serricorne</i>)	Guna 4 ml dalam 1 liter air <u>Kadar aplikasi</u> Guna 5 liter bancuhan setiap 100 m ²
Reban ayam	Kumbang Hitam (<i>Alphitobius diaperinus</i>)	Guna 15 ml dalam 4 liter air <u>Kadar aplikasi</u> Guna 4 liter bancuhan setiap 100 m ²

Selepas rawatan, bilik hendaklah berada dalam peredaran udara yang baik.

Panduan Membancuh: Disyor menggunakan alat penyembur gelas bernozel 'fan-type'. Goncang botol **Temprid** sebelum membancuh. Isikan tangki setengah penuh dengan air bersih, campurkan **Temprid** secukupnya mengikut syor yang ditetapkan dalam jadual sukatan dan bancuh. Seterusnya tambah baki air bersih yang diperlukan. Jangan guna pada kadar yang lebih tinggi daripada yang disyorkan. Jangan simpan baki bancuhan **Temprid** di dalam tangki alat penyembur.



Temprid®

RACUN SERANGGA PEKATAN AMPAIAN (SC)

UNTUK KAWALAN MAKHLUK PEROSAK (PCO) SAHAJA
UNTUK KEGUNAAN KESIHATAN AWAM SAHAJA

Perawis Aktif: beta-cyfluthrin...10.5% w/w
imidacloprid.....21.0% w/w
Perawis Lengai :.....68.5% w/w

UNTUK DIKENDALIKAN OLEH OPERATOR KAWALAN
MAKHLUK PEROSAK (PCO) BERLESEN SAHAJA
UNTUK DIKENDALIKAN OLEH ORANG
YANG TERLATIH SAHAJA.

No. Pendaftaran: LRMP. R1/9108

Kandungan Bersih: 2400 ml (6 x 400 ml)

Tarikh Mengilang:

Tarikh Luput:

Batch No.:

Didaftarkan oleh:

Bayer Co. (Malaysia) Sdn Bhd (7563 M)
B-19-1 & B-19-2, The Ascent Paradigm,
No. 1, Jalan SS 7/26A, Kelana Jaya,
47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.
Tel.: 03-7801 3088

Jika berlaku **KERACUNAN**, sila hubungi
TALIAN KECEMASAN:



BACA LABEL SEBELUM GUNA



SEMUT

(1x)




PIJAT

(2x)



KUMBANG

(0.6x)



LIPAS

(0.6x)

有毒品

勿貯藏在靠近食品或
兒童所接觸的地方

நஞ்சு

உணவுகள் மற்றும் குழந்தைகளுக்கு
அருகில் வைக்காது

BERACUN

JAUHKAN DARIPADA
MAKANAN DAN KANAK-KANAK

KELAS II

POISONOUS

KEEP AWAY FROM
FOODSTUFF AND CHILDREN